

07/09/1998

PM akan perjelas isu pecat

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberikan penjelasan mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, tidak lama lagi.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata Presiden Umno itu akan memberi taklimat kepada ketua-ketua perhubungan negeri, ketua dan timbalan ketua bahagian, ketua Wanita dan Pemuda bahagian, serta Exco kedua-dua pergerakan itu.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan bila majlis penerangan itu akan diadakan.

"Memang orang akan terus bercakap mengenai pelucutan Anwar kerana peristiwa itu sekarang sudah menjadi sejarah, tetapi ia tidak jejkaskan Umno," katanya selepas merasmikan Pesta Budaya Amal, di sini hari ini.

Anwar dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada Rabu lalu dan dipecat daripada Umno keesokannya. Dr Mahathir, dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang memutuskan Anwar dipecat Khamis lalu, berkata pemecatan itu tidak ada kena mengena dengan kerajaan kerana ia adalah masalah parti yang sudah dibincangkan dengan panjang lebar.

"Kita membuat keputusan dan saya tidak perlu membuat penjelasan tentang sebab-sebab kita membuat keputusan demikian kerana ia mengikut budi bicara MT," katanya.

Mengenai pelucutan Anwar daripada Kabinet, Perdana Menteri berkata: "Kita mendapati beliau tidak lagi sesuai."

Sabbaruddin juga berkata, orang ramai yang mengunjungi rumah bekas Timbalan Perdana Menteri itu dinasihatkan supaya tidak membakar semangat hadirin sehingga memburukkan lagi keadaan.

Beliau yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata, mereka seharusnya bertenang dan menyerahkan isu itu diselesaikan menerusi mahkamah.

"Kalau pergi untuk menziarah tidak mengapa, tetapi jangan pergi untuk mengapi-apikan dia," katanya yang turut kesal dengan tindakan Anwar membabitkan orang ramai, terutamanya pelajar dalam menghadapi masalahnya itu.

"Sebaiknya saya fikir dia tak sepatutnya membawa masalah peribadi kepada orang ramai, khususnya kepada pelajar dan persatuan lain. Anwar seharusnya merujuk kepada mahkamah jika tidak berpuas hati, tanpa perlu membabitkan orang lain dalam masalah peribadi," katanya.

Mengenai kesan isu itu terhadap Sukan Komanwel yang akan bermula minggu depan, Sabbaruddin berkata perkara itu tidak berkaitan dengan temasya sukan itu, melainkan jika ada mereka yang tidak bertanggungjawab sengaja mahu memburukkan nama negara.

"Takkanlah kerana kepentingan peribadi kita sanggup merosakkan kepentingan negara. Perancangan yang telah dibuat oleh ramai orang...kalau ada yang sanggup buat, bermaksud prinsipnya adalah amat hina sekali," katanya.

Ditanya mengenai semangat reformasi yang dilaungkan oleh Anwar, Sabbaruddin berkata Anwar sepatutnya berbuat demikian sewaktu beliau berada di dalam kerajaan.

(END)